

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI  
MOHD FAKEH [SABAK BERNAM]**

**SOALAN NO.291**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan bilangan graduan TVET Malaysia (Malaysia Technical Vocational Education and Training) bagi tempoh 2017 hingga 2019 dan nyatakan bidang-bidangnya serta setakat manakah pencapaian pendidikan TVET Malaysia dalam menyediakan tenaga kerja bagi industri 4.0 dan industri digital negara khususnya pelajar dari luar bandar serta setakat manakan TVET Malaysia telah diperkenalkan kepada pelajar sekolah tahfiz di negara ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian melalui Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) telah menawarkan program-program pendidikan dan latihan peringkat sarjana muda, diploma dan sijil dalam bidang kejuruteraan, teknologi, perdagangan dan perkhidmatan untuk menyokong keperluan tenaga kerja mahir dan profesional bagi pembangunan ekonomi negeri dan negara. Sejak penubuhannya, politeknik dan kolej komuniti telah menghasilkan 753,542 lulusan sehingga tahun kini.

Melalui penawaran program pengajian dalam bidang kejuruteraan, perdagangan, hospitaliti dan teknologi maklumat dalam sistem pendidikan di JPPKK, para graduan telah didedahkan dengan pelbagai elemen dan keperluan semasa yang dikehendaki oleh pihak industri. Dalam masa yang sama, teknologi-teknologi baru turut diterapkan dalam

proses pengajaran dan pembelajaran bagi memastikan graduan mempunyai daya saing yang tinggi dalam pasaran pekerjaan. Ini dapat dibuktikan dengan trend kebolehpasaran graduan menunjukkan peningkatan dari setahun ke setahun melebihi 95%.

Kementerian sentiasa berusaha untuk mengarusperdanakan pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET) serta melengkapkan ekosistem TVET di Malaysia seiring dengan perkembangan Revolusi Perindustrian Keempat (4IR). Justeru, Rangka Kerja TVET 4.0 (2018-2025) telah diterbitkan sebagai garis panduan kepada institusi TVET di bawah kementerian termasuk politeknik, kolej komuniti, kolej vokasional serta Malaysian Technical University Network (MTUN) yang terdiri daripada empat universiti awam iaitu Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UteM) dan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP). Graduan TVET berkualiti menjadi Teras 1 dalam rangka kerja tersebut yang menggariskan agar graduan yang dihasilkan mempunyai kebolehpasaran yang tinggi, menambah baik ekosistem keusahawanan serta membangunkan graduan TVET sebagai warga global yang berdaya saing.

Beberapa program bidang Teknologi Maklumat peringkat diploma dan sijil yang ditawarkan di Politeknik dan Kolej Komuniti dijenamakan semula mengikut kehendak industri dan selari dengan industri 4IR. Kurikulum sesebuah program pengajian ditambahbaik dengan penglibatan industri secara aktif untuk lebih responsif dan relevan dengan keperluan semasa. Kursus-kursus baharu seperti kursus *Internet of Things, Big Data, Cyber-Security, Robotic, Gimming, Programming dan Augmented Reality* diserapkan ke dalam program pengajian supaya selari dengan kehendak industri 4.0. Disamping itu, pengetahuan dan kemahiran pelajar ditambah nilai melalui program finishing school untuk memenuhi keperluan industri seterusnya meningkatkan kebolehpasaran graduan.

**Tuan Yang di-pertua,**

Berhubung pengenalan bidang TVET kepada pelajar sekolah tahfiz, Kolej Komuniti telah melaksanakan Pendidikan Islam Sepanjang Hayat (PISH) sejak tahun 2014. Dalam usaha melahirkan pelajar lepasan tahfiz yang mempunyai keseimbangan duniawi dan ukhrawi, Kementerian telah melancarkan Pelan Induk Pendidikan Islam Sepanjang Hayat (PISH) pada Disember 2017. Pelan PISH ini juga disemarakkan dengan usaha-usaha daripada inisiatif Lonjakan 3: Menghayati Pembelajaran Sepanjang Hayat daripada Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) yang juga memberi fokus kepada akses peningkatan pembelajaran kemahiran kepada golongan terdicir termasuklah pelajar tahfiz. Aspirasi PISH antaranya adalah memberikan ilmu kemahiran dan keusahawanan kepada pelajar tahfiz dan pondok.

Selaras dengan itu, kolej komuniti telah menawarkan pelbagai kursus pendek atau PSH bermodul kepada peserta dari sekolah tahfiz dan pondok. Pada tahun 2018, sebanyak 202 kursus kemahiran telah dilaksanakan di kolej komuniti dengan penyertaan seramai 4,573 orang pelajar tahfiz. Pada tahun 2019, pelbagai Program Kemahiran Pelajar Tahfiz telah dilaksanakan dalam bidang kemahiran terpilih merangkumi Masakan dan Pastri, Jahitan, Servis Kenderaan Ringan, Penyelenggaraan Penyaman Udara, Pemprosesan Makanan dan Teknologi Agro dan Akuakultur dengan penyertaan pelajar tahfiz sebanyak 2,987 dan 113 kursus kemahiran.

Selain itu, bagi tahun 2020, semua kolej komuniti telah diberi sasaran penyertaan PISH sekurang-kurangnya 10 peratus daripada jumlah keseluruhan penyertaan program PSH kolej komuniti masing-masing.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD  
FAKEH [ SABAK BERNAM ]**

**SOALAN NO. 292**

**DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD FAKEH [ SABAK BERNAM ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilangan doktor perubatan termasuk doktor pakar dan bidangnya yang terdapat di negara ini dan nyatakan sama ada ianya telah mencapai piawaian Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) serta nyatakan langkah Kerajaan bagi memastikan Malaysia mempunyai bilangan doktor yang mencukupi sekiranya berlaku krisis atau wabak penyakit seperti COVID-19.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Sehingga 31 Mac 2020, terdapat seramai 46,590 orang Pegawai Perubatan termasuk Pegawai Perubatan Siswazah yang berkhidmat di seluruh Malaysia. Manakala bagi Pegawai Perubatan Pakar pula, terdapat seramai 5,322 orang yang berkhidmat bagi 34 bidang kepakaran dalam tempoh yang sama.

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) tidak menetapkan piawaian bilangan doktor perubatan termasuk doktor pakar dan bidangnya. Walau bagaimanapun, Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas (KSP RMKe-11) mensasarkan satu (1) Pegawai Perubatan kepada 450 penduduk menjelang tahun 2020, bermaksud negara memerlukan seramai 72,463 Pegawai Perubatan secara keseluruhannya. Daripada sasaran tersebut, Kementerian Kesihatan

Malaysia (KKM) perlu menyumbang sebanyak 70 peratus bersamaan 50,724 Pegawai Perubatan di KKM termasuk Pegawai Perubatan Gred UD41, manakala baki sebanyak 30 peratus bersamaan 21,739 orang Pegawai Perubatan di luar KKM termasuk swasta.

3. Justeru, sehingga 31 Mac 2020, terdapat seramai 51,912 orang Pegawai Perubatan lantikan tetap dan kontrak yang berkhidmat di KKM, terdiri daripada Pegawai Perubatan Siswazah, Pegawai Perubatan (bukan pakar) dan Pegawai Perubatan Pakar yang berkhidmat di seluruh negara. Jumlah ini ternyata sudah melebihi daripada sasaran 70 peratus daripada keseluruhan doktor di Malaysia atau 50,724 orang Pegawai Perubatan di KKM yang diperlukan untuk menyumbang kepada pencapaian nisbah satu (1) doktor kepada 450 penduduk Malaysia. Pegawai Perubatan Siswazah turut diambil kira kerana mereka juga membantu menyampaikan perkhidmatan di fasiliti kesihatan yang diiktiraf.

4. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah membangunkan *International Health Regulations (IHR) 2005* (dengan izin) sebagai suatu instrumen perundangan yang memerlukan negara-negara anggota yang telah menandatangani untuk memastikan negara tersebut memiliki kapasiti minima bagi mengesan, menilai, melapor dan mengambil tindakan terhadap sebarang kejadian kecemasan kesihatan awam yang berlaku di peringkat negara masing-masing. WHO telah melaksanakan penilaian aktiviti iaitu *Joint External Evaluation (JEE) of IHR 2005* (dengan izin) ke atas Malaysia pada 21 hingga 25 Oktober 2019 dan salah satu dari 19 bidang/ skop teknikal yang turut dinilai adalah mengenai sumber manusia. Berdasarkan pencapaian yang direkodkan, Malaysia mempunyai keupayaan dan kemampuan untuk melaksanakan IHR 2005. Ini jelas terbukti melalui keupayaan dan komitmen Malaysia dalam menangani pandemik COVID-19.

Sekian, terima kasih.

